

Oleh Hasliza Hassan
hasliza@starnews.my

AKTIVITI seni sekolah yang boleh memotivasi minat anak-anak selalu menjadi perhatian. Di bapa yang ingin memestikan waktu terluang diisi dengan kegiatan berbudaya tetapi memperolehi serta merta man-cambah pengetahuan.

Atas yang mendapat sambutan ialah program Bengkel Seni Sekolah anjuran New Straits Times-Akbar Dalam Dorjah (NST-NIE 2006) sepanjang November hingga akhir Disember ini, yang menyediakan pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak dari usia lima tahun hingga pelajar sekolah menengah.

Beribarat ini, seramai 51 peserta berusia antara 10 hingga 13 tahun menyertai bengkel Kewartawanan Foto bertempat di Zoo Negara, Hulu Klang. Peserta difahamkan dengan kemahiran merakam gambar dan menghasilkan rencana berdasar-gambar yang dirakam.

Peserta dibahagikan kepada sembilan kumpulan dan diberi kawasan untuk merakam gambar haiwan selain mempelajari maklumat mengenai habitat, makanan serta persekitaran tempat tinggal haiwan berkenaan.

Penolong Editor Foto NST yang juga fasilitator bengkel, Fauzan Asfar berkata, bengkel selama dua hari ini

mempunyai kemahiran peserta merakam gambar dan pada masa sama mereka diajar mengenai pemikiran kreatif. "Ketika di Zoo Negara peserta merakam gambar haiwan berkesan cara haiwan itu tidur, makanan yang diberi, persekitaran tempat tinggal serta maklumat lain yang dirasakan perlu kerana selepas itu mereka akan minat turun gambar dan menulis artikel mengenai ia."

"Pada hari kedua, peserta diajar mengenai cara menu-lu keterangan gambar. Peserta juga disediakan kepada pemikiran kreatif di mana mereka diberi satu objek dan perlu mencari cara untuk mengambil gambar yang menarik," katanya.

Katanya, aktiviti dalam kelas ini ternyata memotivasi minda peserta yang rata-rata baru kali pertama mengikuti bengkel Kewartawanan Foto apabila diminta untuk merakam gambar bola dari sudut yang boleh menghasilkan gambar menarik.

Fauzan berkata, beliau sendiri terkejut dengan gambar yang dihasilkan peserta kerana ada antaranya seolah dirakam oleh jurugambar profesional sedangkan hakikatnya ia hasil kreativiti peserta berusia antara 10 hingga 13 tahun yang tidak ada pengalaman merakam gambar sebelum ini.

Beliau berkata, ibu bapa perlu memberi galakan kepada anak untuk memercuakan sesuatu yang baru




Wartawan foto cilik

51 peserta bengkel NST-NIE tunjuk kebolehan rakam gambar haiwan di Zoo Negara



“ Sekarang saya tahu gambar cantik yang kita lihat bukan senang hendak diperolehi tetapi memerlukan tumpuan serta kesabaran”

Al-Ian Ismail Fauzan



“ Aktiviti ini mendekatkan lagi saya dengan alam dan banyak perkara boleh dicantakan dalam rencana saya nanti”

Bethany Felix



JOSMUN Azzal Bahan, 10, Marissa Drabeyaran, 9, dan Nihad Sophia Md Araf, 10, menunjukkan gambar yang dirakam kepada Fauzan di Zoo Negara.

kerana selalunya mereka tidak memilih kerjaya itu, selalunya kurangnya mereka merakam bidang kerja wartawan foto dan mempelajari kemahiran untuk merakam gambar yang cantik serta menarik.

"Jika dia jadi seorang jurutera pun, jurutera yang boleh menghasilkan gambar yang baik. Sekarang kurangnya dia boleh membuat sumbangan dalam bidang kejuruteraan kerana kadangkala gambar menjelaskan keadaan dengan lebih baik berbanding kata-kata," katanya.

Tidak dinafikan, bukan mudah untuk merakam gambar dan melihat kepada kesungguhan peserta bengkel Kewartawanan Foto NST-NIE 2006, apabila kua pejabat, mesletur bila bis dari rebungny kerana staf ingin tahu yang ada pada kanak-kanak menjadikan proses pembelajaran lebih mudah serta berkesan.

Bukan itu saja, selain berpeluang melihat kolotah haiwan dan merakamkan aksinya, aktiviti berkesan turut mendekatkan peserta kepada isi penting sekarang ini iaitu pemuliharaan alam sekitar.

Bah kata Bethany Felix, 12, kesempatan mengikuti bengkel dan berkunjung ke Zoo Negara membolehkan dirinya lebih menghargai alam sekitar serta kehidupan haiwan kerana ramai sudah melupakan kepentingan me-

melihara alam sekitar.

Pelajar tahun enam Sekolah USJ 1 su berkata, masyarakat bukan saja polutan dewasa, malah kanak-kanak juga perlu lebih menghargai keindahan alam sekitar kerana ia tidak akan kekal lama jika tidak dijaga dengan baik.

"Banyak maklumat yang saya peroleh dan paling penting aktiviti ini mendekatkan lagi saya dengan alam dan banyak perkara boleh disertakan dalam rencana saya nanti," katanya yang sibuk mengambil gambar kumpulan burung-burung di tasik.

Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sin Ming, Puchong, Cheong Jian, 10, melahirkan perasaan gemilang dapat berlagak seperti jurufoto profesional dan merakam gambar pelbagai jenis haiwan di sana.

Walaupun dibenarkan menggunakan kamera digital untuk merakam gambar, beliau tidak tahu teknik yang betul untuk menghasilkan gambar yang baik dan ini menjadikan tugasnya itu pengalaman memotivasi.

"Saya suka melihat semua gambar yang diambil dan saya akan mengambil gambar sebanyak mungkin kerana selepas ini kami hanya akan memilih gambar yang terbaik. Saya tidak sabar untuk melihat hasilnya nanti," katanya.

Sementara itu, Al-Ian Ismail Fauzan berkata, merakam gambar haiwan adalah

sesuatu yang memotivasi terutamanya apabila kawasan yang dibekali tidak boleh diam di satu-satu tempat dan ini menyukakan untuk merakam gambar yang baik.

Tapi pengalaman pertama saya dan memang menarik tetapi pada masa sama memotivasi. Selalunya saya tahu gambar cantik yang kita lihat bukan senang hendak diperolehi rapanya tetapi memerlukan tumpuan serta kesabaran," katanya yang datang dari Paroi, Negeri Sembilan untuk mengikuti bengkel berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Zoo Negara, Dr Mohamad Nqah berkata, pihaknya sentiasa menggalakan kesediaan pihak tertentu menggalakan program atau pertandingan merakam gambar yang memilih Zoo Negara sebagai lokasi.

Katanya, selain mengiktiraf kesetiaan taman haiwan itu sebagai lokasi terbaik untuk mengaji kemahiran merakam telatah haiwan dan keindahan alam sekitar, gambar yang dihasilkan secara tidak langsung mempromosikan Zoo Negara kepada masyarakat luas.

"Kita ada terima kumpulan jurugambar dari Jepun dan Singapura merakam gambar di sini. Diharap kedatangan mereka itu dapat membantu usaha kita menjadikan Zoo Negara sebagai zoo bertaraf dunia menjelang 2015 nanti," katanya.